# KAJIAN KEMISKINAN BANDAR

# KES KAJIAN

# WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH

ISMAIL BIN NGAH

Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi Sebahagian
Dari Syarat Untuk Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA,
Shah Alam

Julai, 1981

# ISI KANDUNGAN


| | MUKA SURAT |
|---|---|
| PENGHARGAAN | i |
| ISI KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | x |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| BAB 1 : PENDAHULUAN | |
| 1.1 PENGERTIAN DAN KONSEP KEMISKINAN. | 3 |
| 1.2 PENGUKURAN KEMISKINAN. | 10 |
| 1.3 KEMISKINAN BANDAR DAN PERANCANGAN FIZIKAL. | 14 |
| 1.4 POLISI SEMASA : DASAR EKONOMI BARU. | 18 |
| 1.5 MATLAMAT, OBJEKTIF DAN BIDANG KAJIAN | 21 |
| 1.5.1 Matlamat Kajian | 21 |
| 1.5.2 Objektif Kajian | 21 |
| 1.5.3 Bidang Kajian | 22 |
| 1.5.4 Andaian dan Batasan Kajian | 24 |
| 1.6 PENDEKATAN KAJIAN | 27 |

MUKA SURAT

BAB 2 : PEMBANGUNAN DAN URBANISASI DI KUALA LUMPUR

2.1 WILAYAH PERSEKUTUAN SEBAGAI KES KAJIAN 35

2.1.1 Latarbelakang Sejarah 36

2.1.2 Sebab-Sebab Pemilihan Kuala Lumpur 40

2.2 PEMBANGUNAN DAN URBANISASI YANG TIDAK TERKAWAL DI KUALA LUMPUR. 44

2.2.1 Proses Urbanisasi 44

2.2.2 Corak Pembangunan Kuala Lumpur 46

2.2.3 Kesan-Kesan Pembangunan 50

2.3 PENGHIJRAHAN KE BANDAR DAN PERTAMBAHAN PENDUDUK 56

2.3.1 Penghijrahan Ke Bandar 56

2.3.2 Penghijrahan Antara Negeri Dan Daerah Ke Kuala Lumpur 57

2.3.3 Komposisi Ethnik Penghijrahan 59

2.3.4 Faktur Penghijrahan 59

MUKA SURAT


2.3.5 Pertambahan Penduduk 63

2.3.6 Implikasi Pertumbuhan Penduduk-Penduduk Dan Penghijrahan 66

BAB 3 : ANALISA ASPEK KUMPULAN MISKIN DI BANDAR

3.1 KUMPULAN MISKIN DI KUALA LUMPUR 72

3.2 TABURAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN 75

3.2.1 Garis Kemiskinan Sebagai Pengukur Asas 75

3.2.2 Taburan Pendapatan 76

3.2.3 Polar Perbelanjaan Keluarga 81

3.3 ASPEK PENEMPATAN SETINGGAN 85

3.3.1 Pertumbuhan Setinggan Di-Wilayah Persekutuan 86

3.3.2 Taburan Setinggan 87

3.3.3 Komposisi Ethnik 87

3.3.4 Ciri-Ciri Keluarga 93

3.3.5 Ciri-Ciri Ekonomi 94

# BAB PERTAMA

## PENDAHULUAN

Adalah menjadi satu kriteria bagi negara-negara sedang membangun mengalami keadaan pembangunan ekonomi yang pesat. Ini merupakan asas penting bagi pembangunan negara dari segi fizikal dan sosial. Pembangunan ekonomi yang pesat bukan sahaja mendatangkan kesan baik kepada pembangunan keseluruhannya malahan juga menimbulkan akibat yang tidak dirancang. Masalah inilah yang selalu menghalang kejayaan pembangunan.

Salah satu contoh yang tepat dalam kontek ini ialah masalah kemiskinan baik di bandar mahupun di luar bandar. Barangkali tidak ada ukuran yang tepat untuk menunjukkan kemajuan sesebuah negara melainkan secara menunjukkan bilangan penduduk yang berada di dalam kemiskinan. Ciri-ciri kemiskinan ini dapat dilihat setelah membuat penelitian dan pengamatan secara terperinci.

Kerajaan Malaysia misalnya telah menyarankan pembasmian kemiskinan sebagai objektif utama dalam pembangunan ekonomi jangkapanjang di samping menyusun semula masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru[1]. Hakikat membasmi kemiskinan ini perlu diteliti dan diamati dalam jangkamasa dua puluh tahun iaitu dari tahun 1970 hingga tahun 1990. Pada akhir tahun 1990 sekurang-kurangnya objektif ini telah dicapai dan masalah kemiskinan telah diatasi.